

Pelajar perlu perkasa bahasa Inggeris

POLEMIK mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik tidak akan berakhir hinggalah keputusan mengenainya diketahui pada akhir tahun depan. Itulah kata putus Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein ketika menggulung perbincangan mengenai isu pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Penggunaan bahasa Inggeris yang sudah dilaksanakan sejak 2003 itu sepatutnya menjadi satu revolusi baru dalam dunia pendidikan tanpa ada isu berbangkit mengenainya. Pada hemat saya, penggunaan bahasa Inggeris bukanlah menunjukkan kita menyokong atau mengagungkan bahasa penjajah tetapi kerana ia adalah keperluan zaman sekarang.

Ini kerana negara kita semakin hari semakin maju dan progresif dan saya berasakan bahawa semua orang perlu faham bahasa Inggeris.

Lagipun ia adalah bahasa dunia dan bahasa yang mendasari bidang sains dan teknologi serta bidang perniagaan. Bahasa Inggeris perlu dipelajari kerana fungsinya sebagai wahana ilmu pengetahuan dan untuk perhubungan dengan dunia luar.

Ada baiknya jika dikekalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik. Selain dapat membantu mereka mempelajari subjek bahasa Inggeris itu sendiri, kelebihan menguasai bahasa Inggeris itu amat diperlukan untuk keperluan masa depan.

Ia boleh menjadi persediaan awal kepada pelajar di sekolah rendah sebelum menjejaki institusi pengajian tinggi (IPT).

Umum mengetahui bahawa kebanyakan IPT mengamalkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan di samping bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam pengaja-

ran dan pembelajaran serta turut juga menggunakan buku rujukan dalam bahasa Inggeris.

Ia juga membantu untuk meningkatkan tahap komunikasi interpersonal sama ada ketika berinteraksi ataupun menghadapi temu duga untuk memohon pekerjaan. Sekarang ini, kebanyakan majikan begitu selektif dalam memilih graduan.

Justeru, bukankah bagus jika seseorang itu dapat menguasai pelbagai bahasa dan sudah semestinya kelebihan itu akan memberi manfaat besar bagi dirinya. Jika dilihat dari sudut positif, penggunaan bahasa Inggeris dapat meningkatkan 'standard' pelajar kita dengan cara tersendiri.

Mungkin ini satu cara untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri dalam mengangkasakan bangsa kerana perkataan 'Angkasa' itu sendiri merujuk kepada satu tempat tinggi dan sudah tentunya kita perlu berusaha untuk mencapai tahap itu dalam kehidupan.

Mungkin ada masalah bagi mereka yang kurang atau lemah dalam pelajaran. Namun tiada apa yang mustahil di dunia ini asalkan adanya semangat dan motivasi untuk mempelajarinya dengan bantuan guru, khususnya yang sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran boleh dipelbagaikan dengan lebih kreatif dan menyeronokkan sesuai dengan usia mereka. Seperti contoh, dengan menyanyi, berlakon, mengadakan pertandingan membaca, kem bahasa dan sebagainya untuk menarik minat mereka dan berhasrat dalam memberi kesan yang positif.

FAUZIAH HASSAN,

*Universiti Sains Islam Malaysia
(Usim) Nilai, Negeri Sembilan.*